

1,762 paket gula-gula *ghost smoke* dirampas

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 1,762 paket gula-gula *ghost smoke* melalui pemeriksaan di premis perniagaan yang menjual produk itu sejak 23 hingga 31 Julai lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, rampasan itu dibuat selepas pihaknya memeriksa sebanyak 2,401 premis di peringkat pemborong dan peruncit, susulan kebimbangan ibu bapa mengenai barangan

yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut.

"Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka dan sejumlah 1,762 paket gula-gula *ghost smoke* dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau turut mengingatkan peniaga agar menghentikan segera penjualan gula-gula berharga 50 sen itu yang dikesan dijual secara meluas dalam kalangan pelajar sekolah.

- Bernama